

PSC Akan Adakan Pendengaran Awam Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Di Seluruh Negara
Bernama
15 November , 2011

KUALA LUMPUR, 15 Nov (Bernama) -- Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (PSC) akan mengadakan pendengaran awam seterusnya mengenai penambahbaikan proses pilihan raya di Sabah pada 25-26 Nov, kata Pengerusinya Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

PSC mengadakan pendengaran awam yang pertama pada 11 Nov di bangunan Parlimen.

Ongkili berkata pendengaran awam juga akan diadakan di Sarawak pada 8-9 Dis, Pulau Pinang (15-16 Dis), Kelantan (7-8 Jan) dan Johor (12-13 Jan).

"Kami (PSC) akan mengadakan mesyuarat esok untuk laporan kami mengenai pendengaran awam pertama," katanya kepada pemberita di luar program Forum Inovasi KL 2011 di sini Selasa.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=627035>